

6.00 7 MAR 1971
BEKAS Anli Parle-
 men kawasan Kota
 Setar Selatan, Dr.
 Mahathir Mohamad,
 akan terus berkechim-
 pong dalam lapangan
 politik dengan tidak
 mengikat diri-nya de-
 ngan mana2 parti
 politik.

Dr. Mahathir sendiri
 menyatakan demikian
 dalam majlis dialog de-
 ngan penulis2 tempatan
 yang berlangsung di-Se-
 kolah Kebangsaan Sungai
 Korok Baru, Jalan Pega-
 wai, dekat sini Selasa
 lalu.

Menjawab satu perta-
 nyaan dalam majlis yang
 di-hadiri oleh kira2 150
 orang itu, Dr. Mahathir
 berkata bahawa beliau ti-
 dak akan menarek diri
 dari lapangan politik, te-
 tapi tidak pula mahu
 mengikat diri dengan
 mana2 parti politik.

"Saya akan bersikap
 sa-bagai orang tengah
 sahaja dalam lapangan
 politik," kata-nya.

Beliau kemudian mem-

ALOR SETAR, Sabtu

beri pendapat bahawa
 orang2 Melayu sekarang
 "terlalu mengikat diri
 mereka dengan parti ma-
 sing2, hingga menyebab-
 kan perpechahan berlaku
 sesama sendiri."

Menjawab satu per-
 tanyaan lagi, Dr. Maha-
 thir berkata: "Penyakit
 orang2 Melayu ia-lah me-
 reka tidak mahu meng-
 akui yang benar itu tidak
 benar, dan tidak mahu
 mengakui yang salah itu
 benar."

Kemajuan

Menurut beliau perkara
 itu menjadi puncha ke-
 gagalan orang2 Melayu
 merobut kemajuan sama
 ada di-bidang ekonomi,
 pelajaran mahupun di-
 bidang sosial.

Beliau kemudian me-
 ngeshorkan supaya kala-
 ngan2 tertentu mengajor-
 kan satu pertemuan un-
 tok menyatukan orang2

Melayu dan melupakan
 perselisihan politik an-
 tara mereka.

"Kalau MCA dan MIC
 dapat menganjorkan per-
 temuan2 untok menyatu-
 kan orang2 China dan
 India, mengapa kala-
 ngan2 Melayu tidak pula
 boleh menganjorkan per-
 temuan saperti itu," kata-
 nya.

Mengenai Bahasa Ma-
 laysia, beliau yakin baha-
 wa bahasa itu akan men-
 jadi satu bahasa yang
 mempunyai taraf antara-
 bangsa "kerana Bahasa
 Melayu atau Bahasa Ma-
 laysia kita di-gunakan
 oleh 120 juta manusia di-
 nusantara ini."

Bagaimana pun beliau
 menjelaskan: "Baik bu-
 rok-nya bahasa2 itu ter-
 letak kapda amalan, bu-
 kan kapada teori2 ko-
 song."

Beliau menyebut Indo-
 nesia sa-bagai chontoh
 tentang apa yang di-
 maksudkan-nya itu.

"Di-Indonesia, berpu-
 loh2 bahasa di-gunakan,
 tetapi kerana amalan
 yang sering di-lakukan
 dan di-perchakapkan
 maka Bahasa Indonesia
 wujud di-tengah2 ratusan
 juta manusia sa-bagai
 bahasa rasmi dan tunggal
 negara itu," kata-nya.

Tak Timbul

Beliau kemudian menyata-
 kan pendapat bahawa Bahasa
 Inggeris bukan satu bahasa
 mustahak untok sa-saorang
 dapat menjadi intelek atau
 menimba ilmu pengetahuan.

Kata-nya: "Tidak semesti-
 nya pandai berbahasa Inggeris
 maka sa-saorang itu baharu
 boleh menimba ilmu pengeta-
 huan atau menjadi intelek.

"Ramai kaum intelek dan
 cherdek pandal tidak pandal
 berbahasa Inggeris."

Namun demikian, beliau
 mengingatkan: "Orang2 yang
 ingin menchapal kemajuan
 lagi mesti-lah sekurang2-nya
 tahu dan belajar bahasa2 lain
 saperti Jerman, Perancis
 atau Jepun."

Dr. Mahathir menyatakan
 keyakinan bahawa penggunaan
 Bahasa Malaysia di-peringkat
 pelajaran tinggi "tidak men-
 jadi masa'alah besar."

Kata-nya: "Masa'alah isti-
 lah tidak timbul, kerana Ba-
 hasa Inggeris juga mengambil
 bahasa2 lain, terutama Ba-
 hasa Latin, untok menjadi
 bahasa dan istilah mereka.

"Tidak perlu semua istilah
 di-tukar ka-Bahasa Malay-
 sia, sebak-nya kita gunakan
 perkataan2 asal sahaja," ka-
 ta-nya.

Mengenai kritik2 Yahya
 Ismail terhadap buku-nya
 yang berjudul "Malay Dilem-
 ma" yang di-bandingkan de-
 ngan Karya2 Abdullah Munshi,
 beliau berkata: "Perbandingan
 itu tidak kena pada tempat-
 nya, kerana Abdullah Munshi
 sa-orang yang baik dengan
 Inggeris, khas-nya dengan
 Raffles.

Menghina

"Raffles, bagi Abdullah Mun-
 shi, tuhan.

"Bagi Abdullah, segala
 yang di-buat oleh orang2
 Melayu ketika itu kesemu-
 nya salah—yang benar hanya
 Inggeris.

"Bukan itu sahaja, Abdul-
 lah malah menghina orang2
 Melayu dan tidak memberi
 jalan atau fatwa2 untok di-
 ikuti oleh orang2 Melayu
 mengubah sikap mereka.

"Abdullah chuma tahu
 mengkeritik sahaja, tetapi ti-
 dak tahu memberi jajan ke-
 luar.

"Saya mengkritik perbu-
 atan2 orang2 Melayu dalam
 buku saya "Malay Dilemma"
 dengan memberi jalan untok
 di-ikuti dan di-laksanakan
 oleh orang2 Melayu."

Beliau kemudian menyeru
 supaya segala kritik yang
 hendak di-buat biar-lah me-
 rupakan sa-suatu yang mem-
 bena dan bertanggungjawab.

Dr. Mahathir menerangkan:
 "Saya tidak mahu buku saya
 di-samakan dengan karya
 Abdullah Munshi.

"Abdullah sepatut-nya men-
 chari jalan membangunkan
 orang2 Melayu ketika itu."

Beliau juga telah memper-
 katakan tentang "Rebolusi
 Mental" dalam itu.

Dr. Mahathir perchaya-
 kangongan buku itu meng-
 andongi sistem yang boleh di-
 amalkan oleh orang2 Melayu
 bagi mengelakkan kesalahan2
 atau keperchayaan2 lama.